Membuat permohonan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya pengisian bagi kekosongan jawatan KPT HRMIS diisi segera supaya pelaksanaan HRMIS dapat direalisasikan sepenuhnya dan pada masa yang sama turut memastikan supaya kakitangan yang terlibat dengan tugas-tugas HRMIS khususnya dan kesemua kakitangan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) umumnya didedahkan dengan penggunaan HRMIS sama ada bengkel atau pun kursus.

### **4. Pengurusan Kewangan**

- a) Memberi pendedahan mengenai proses kerja kewangan mengikut prosedur yang betul sama ada dalam bentuk kursus atau bengkel bukan sahaja kepada kakitangan di Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia tetapi turut merangkumi keseluruhan kakitangan SPP; dan
- b) Menyusun semula unit kewangan dengan memohon pertambahan kakitangan dan peningkatan gred sedia ada di Unit Kewangan.

### **5. Pusingan Kerja**

Memastikan pertukaran kakitangan yang dibuat adalah secara berperingkat berdasarkan kepada pusingan kerja dengan mengutamakan kakitangan yang telah berkhidmat lebih 8 tahun.

## **PROGRAM 1 : PENGURUSAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN PELAJARAN**

*Objektif* – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

### Aktiviti 1 : Pejabat Setiausaha

**Objektif** – Memastikan Urus setia Suruhanjaya menjalankan fungsi-fungsi Suruhanjaya dengan cekap dan teratur sebagaimana di dalam Perlembagaan Persekutuan dan mematuhi Piagam Pelanggan jabatan dalam usaha memberikan khidmat terbaik kepada pelanggan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. Jabatan Audit mengadakan Audit di jabatan	-	-	4
Bil. pertanyaan audit yang dikemukakan	-	-	4
Bil. aduan / masalah yang diterima daripada ASJ*	-	-	2
Bil. aduan yang di ambil tindakan	-	-	2

\* ASJ - Anggota Suruhanjaya

### Aktiviti 2 : Pengambilan Dan Perkhidmatan

**Objektif** – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan daripada segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan, Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan. Manakala dari segi urusan perkhidmatan pula adalah untuk melaksanakan fungsi perkhidmatan dengan sistematik, berkualiti dan proaktif ke arah memaksimumkan kepuasan pelanggan bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Penyediaan Laporan Tahunan SPP	-	1	1
Bil. urusan memproses borang permohonan/temu duga (PPP)	37,786	25,000	20,000
Bil. surat keputusan temu duga disediakan	41,604	20,000	17,000
Bil. pemprosesan urusan perkhidmatan	86,762	30,000	35,000
Bil. kes rayuan tatatertib yang di kendalikan	149	120	140
Bil. urusan memproses borang permohonan/temu duga (AKS/PPPT)	488,296	537,126	563,982

### Aktiviti 3 : Pengurusan

**Objektif** – Membantu SPP dalam menyediakan dan menyokong prasarana teknologi maklumat serta mereka bentuk sistem-sistem aplikasi bagi menyokong fungsi-fungsi operasi dan pengurusan SPP. Dari segi pengurusan pula, ia meliputi Pengurusan Personel, Kewangan dan Perhubungan Awam kepada semua warga Suruhanjaya secara efisien dan cekap. Manakala, Urus setia Mesyuarat Suruhanjaya bertanggungjawab untuk memastikan khidmat sokongan diberikan kepada Suruhanjaya dalam Mesyuarat Suruhanjaya dan memastikan perkara-perkara berkaitan Anggota Suruhanjaya diberikan perhatian sewajarnya.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. sistem aplikasi yang diselenggarakan	9	11	13
Bil. sistem komputer yang diselenggarakan	9	11	11
Bil. surat yang diterima dan didaftarkan dalam sistem	107,178	110,000	115,000
Bil. urusan perolehan dan baucar pembayaran yang disediakan	2,010	2,220	2,350
Bil. kertas Mesyuarat Suruhanjaya yang disediakan	461	345	345

#### Aktiviti 4 : Urusetia Cawangan Sabah

*Objektif* – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. borang permohonan diproses	4,500	5,000	5,500
Bil. urusan temu duga dijalankan	8	8	8
Bil. kertas Suruhanjaya yang disediakan	25	30	35
Bil. surat tawaran jawatan yang disediakan	4,000	4,000	4,000
Bil. surat pemberitahuan pelantikan yang disediakan	3,800	3,500	3,800

#### Aktiviti 5 : Urusetia Cawangan Sarawak

*Objektif* – Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. urusan pengambilan	8,764	7,000	7,000
Bil. urusan pentadbiran dan kewangan	1,528	1,500	4,000
Bil. urusan perjawatan dan perkhidmatan (staf)	26	25	25
Bil. urusan perjawatan dan perkhidmatan pendidikan dan anggota kumpulan sokongan	4,086	5,266	5,266
Bil. urusan penyelenggaraan sistem aplikasi dan sandaran	143	220	220

**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2011**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal 2010 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2011 RM</i>
10000	Emolumen	8,759,900	<b>9,411,800</b>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	4,175,600	<b>8,576,200</b>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,378,300	<b>12,000</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN		<hr/> 14,313,800 <hr/>	<hr/> <b>18,000,000</b> <hr/>

## Maksud Bekalan 40 - SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN


B.40

## Pegawai Pengawal: SETIAUSAHA, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2010	2011	2010	2011
			RM	RM		
<b>010000</b>	<b>PENGURUSAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN PELAJARAN</b>	...	14,313,800	<b>16,000,000</b>		
		10000	8,759,900	<b>9,411,800</b>	<u>272</u>	<u>272</u>
		20000	4,175,600	<b>6,576,200</b>		
		40000	1,378,300	<b>12,000</b>		
010100	Pejabat Setiausaha	...	0	<b>706,700</b>		
		10000	0	<b>609,700</b>	8	8
		20000	0	<b>97,000</b>		
010200	Pengambilan dan Perkhidmatan	...	4,399,700	<b>5,432,500</b>		
		10000	3,847,800	<b>4,076,700</b>	121	121
		20000	551,900	<b>1,355,800</b>		
010300	Pengurusan	...	6,646,400	<b>6,126,400</b>		
		10000	3,200,600	<b>3,063,600</b>	93	93
		20000	2,069,500	<b>3,052,800</b>		
		40000	1,376,300	<b>10,000</b>		
010400	Urusetia Cawangan Sabah	...	1,427,300	<b>1,871,400</b>		
		10000	837,000	<b>836,200</b>	25	25
		20000	589,300	<b>1,034,200</b>		
		40000	1,000	<b>1,000</b>		
010500	Urusetia Cawangan Sarawak	...	1,840,400	<b>1,863,000</b>		
		10000	874,500	<b>825,600</b>	25	25
		20000	964,900	<b>1,036,400</b>		
		40000	1,000	<b>1,000</b>		
<b>020000</b>	<b>"ONE - OFF"</b>	...	0	<b>2,000,000</b>		
		20000	0	<b>2,000,000</b>		
020100	Sistem Maklumat Bersepadu SPP	...	0	<b>2,000,000</b>		
		20000	0	<b>2,000,000</b>		
<b>JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS</b>			<b>14,313,800</b>	<b>18,000,000</b>	<u>272</u>	<u>272</u>

# KEMENTERIAN PELAJARAN

## Maksud Bekalan/Pembangunan 41



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
29,360,378,000	6,402,584,700	0	35,762,962,700

### OBJEKTIF

Mewujudkan satu sistem pendidikan bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi setiap individu untuk mencapai aspirasi negara maju menjelang tahun 2020. Ke arah mencapai matlamat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan objektif berikut:

- (i) Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;
- (ii) Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera;
- (iii) Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara; dan
- (iv) Memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.

### PELANGGAN

- (i) Rakyat Malaysia;
- (ii) Sektor industri, perniagaan dan perkhidmatan; dan
- (iii) Institusi-intitusi dalam bidang-bidang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan negara.

## STRATEGI

- (i) Kursus atau program peningkatan ilmu hanya terhad kepada program ikhtisas/wajib/kritikal seperti kursus perguruan, pengurusan kewangan dan akaun, kursus induksi serta Penilaian Tahap Kecekapan (PTK);
- (ii) Menghadkan penganjuran program-program bercorak keraian;
- (iii) Program bertugas di luar negara akan hanya dihadkan kepada menghadiri persidangan berkala yang wajib dihadiri sahaja seperti program yang melibatkan YB Menteri; dan
- (iv) Memberi tumpuan kepada penyelenggaraan secara konsisten dan berterusan bagi kesemua bangunan yang memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil. Tumpuan lain turut diberi kepada penyelenggaraan bangunan di Kolej Matrikulasi, Institut Perguruan (IPG) dan Pejabat Pelajaran Negeri/Daerah.

## PROGRAM 1 : PENGURUSAN KEMENTERIAN

**Objektif** – Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kementerian melalui perancangan strategik, pembudayaan pengurusan kualiti dan produktiviti, pengemaskinian perundangan dan peraturan-peraturan serta meningkatkan imej korporat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

### Aktiviti 1 : Pengurusan Ibu Pejabat Kementerian

**Objektif** – (a) Mencapai Pengurusan Tadbir Urus dengan penarafan 5 bintang di bawah Sistem Star Rating Kementerian; (b) Mengurus dan memproses permohonan ke luar negara secara persendirian mengikut prosedur dan norma yang di tetapkan oleh Kementerian dengan cekap dan teratur; (c) Meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman Keselamatan Perlindungan yang berkualiti, telus dan beretika selaras dengan kehendak Kementerian; (d) Mengawal selia hal ehwal pengurusan penyelenggaraan bangunan KPM di Kompleks E, Putrajaya dengan cekap, fleksibel dan terurus; (e) Mengurus pengurusan ruang pejabat yang kompeten dan berkesan selaras dengan keperluan-keperluan semasa Bahagian-bahagian di KPM.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. lawatan persendirian ke Luar Negara	1,687	1,600	1,600
Bil. penyewaan ruang pejabat	9	20	15
Bil. laporan tahunan	12,000	12,000	10,000
Bil. Buletin KPM	105,600	560,000	200,000
Bil. pengurusan pas keselamatan	2,074	1,500	1,500

### Aktiviti 2 : Pembangunan

**Objektif** – Bertanggungjawab membangunkan infrastruktur pendidikan yang telah dirancang dengan kos yang efektif dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek fizikal pendidikan di bawah KPM.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pemantauan projek	88	90	100
Bil. laporan kemajuan fizikal dan kewangan	88	90	100
Bil. urusan perolehan tanah KPM dan tanah bagi semua projek pembangunan	106	111	78
Bil. pelaksanaan projek pembangunan	52	55	60

### Aktiviti 3 : Perolehan dan Pengurusan Aset

*Objektif* – (a) Merancang dan mengurus program/aktiviti perolehan bekalan dan perkhidmatan selaras dengan dasar-dasar kerajaan; (b) Menyediakan bekalan dan perkhidmatan yang mencukupi dan berkualiti bagi memenuhi keperluan institusi pendidikan; (c) Merancang dan mengurus program/aktiviti penyelenggaraan prasarana dan aset-aset kerajaan mengikut jangka masa dan piawai yang ditetapkan dengan kos yang efektif; dan (d) Memantau dan menilai program/aktiviti perolehan bekalan, perkhidmatan, penyelenggaraan prasarana dan aset.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. melaksanakan perolehan perkhidmatan mengikut zon	996	1,151	986
Bil. penyelenggaraan bangunan dan pembaikan kecil yang dibeli di bawah OS28000	2,600	2,900	2,900
Bil. penyelenggaraan dan pembaikan bangunan di bawah OS28000	2,314	2,743	2,743
Bil. penyelenggaraan prasarana dan aset-aset kerajaan	69	63	63

### Aktiviti 4 : Pengurusan Kewangan

*Objektif* – (a) Menentukan perancangan dan pelaksanaan dasar kewangan dibuat dengan teratur dan sempurna; (b) Memastikan pelaksanaan dan penambahbaikan sistem pengurusan kewangan selari dengan perkembangan ICT dan keperluan semasa; (c) Menentukan peruntukan kewangan yang disediakan, digunakan secara optimum dan efektif selaras dengan perjanjian program; (d) Melaksanakan kuasa-kuasa Pegawai Pengawal yang diperturunkan kepada Bahagian Kewangan; (e) Memberi khidmat nasihat dan mengawal selia pematuhan Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekelling berkaitan; (f) Memastikan perancangan dan keperluan bantuan kepada murid dan sekolah disediakan secara cekap dan berkesan.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. waran peruntukan yang dikeluarkan	4,450	4,500	4,500
Bil. baucer yang diluluskan	3,750	3,800	3,800
Bil. permohonan pakej	8,677	8,000	9,500
Bil. pendahuluan diri/emolumen	178	500	500
Bil. PTJ yang melaksanakan e-perolehan	223	50	50



## Aktiviti 5 : Akaun

**Objektif** – (a) Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan KPM; (b) Memastikan pembayaran dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan; (c) Memastikan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ); (d) Memastikan semua transaksi kewangan yang diperakaunkan mematuhi tatacara, arahan dan undang-undang yang berkuat kuasa melalui program audit tunai serta pemantauan dan naziran; dan (e) Memberi khidmat nasihat dan mengawal pematuhan Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling berkaitan.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. cek/EFT	634,935	690,000	710,000
Bil. akaun amanah diselenggara	59	57	58
Bil. PTJ yang melaksanakan e-SPKB	767	1,100	1,200
Bil. pemantauan sekolah	319	15	350
Bil. sijil AP58(a) diluluskan	1,262	3,000	3,000

## Aktiviti 6 : Pengurusan Sumber Manusia

**Objektif** – (a) Merancang dan membangunkan sumber manusia bagi memenuhi keperluan organisasi selaras dengan Dasar Pendidikan Negara; (b) Menyediakan sktruktur organisasi yang mantap dengan bilangan personel di tahap optima melalui pewujudan dan pengisian jawatan mengikut keperluan dan norma perjawatan yang ditetapkan; (c) Mengurus hal-hal perkhidmatan dan kemudahan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Khidmat Sokongan (AKS); (d) Merancang, mengurus dan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi PPP dan AKS; dan (e) Memupuk dan menerapkan nilai-nilai murni bagi meningkatkan integriti dan jati diri warga KPM ke arah melahirkan iklim organisasi yang harmonis.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. taklimat/bengkel/kursus	99	291	279
Bil. kursus kewangan/LDP	462	30	74
Bil. kursus induksi	104	24	94
Bil. jawatan baru	16,608	5,000	15,000
Bil. urusan perjawatan & perkhidmatan (pelantikan, penempatan, pengesahan, perkhidmatan, BPR, HRMIS, naziran dan persaraan)	484,538	490,000	495,000

## Aktiviti 7 : Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

**Objektif** – (a) Memastikan sistem Pengurusan PTK termasuk kaedah penilaian kompetensi pegawai dan kakitangan dapat dilaksanakan secara cekap, berintegriti dan berakauntabiliti; (b) Memastikan KPM mempunyai personel yang memiliki kompetensi yang mantap, cemerlang dan berprestasi tinggi menerusi perancangan pengurusan dan pelaksanaan penilaian tahap kecekapan yang lebih realistik; (c) Memastikan sistem pengurusan peperiksaan perkhidmatan pegawai dan kakitangan dapat dilaksanakan secara cekap, berintegriti dan berakauntabiliti; (d) Memastikan pembangunan kompetensi dibuat secara

berterusan dalam konteks *Continous Profesional Development* (CPD) menerusi penanda arasan kursus latihan yang memenuhi kehendak serta keperluan KPM; dan (e) Memastikan pelaksanaan PTK dan peperiksaan jabatan memenuhi standard piawaian dalam aspek kualiti dan keselamatan yang ditetapkan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pengendalian peperiksaan PTK	435,892	279,000	200,000
Bil. pengendalian kursus PTK/ penilaian pemahaman	9,525	10,000	10,000
Bil. pengendalian ujian khas PTK	19,984	10,000	16,000
Bil. pengendalian peperiksaan perkhidmatan/ jabatan	11,020	11,000	10,000
Bil. mesyuarat Pembangunan Standard Kompetensi	-	-	-

#### Aktiviti 8 : Psikologi dan Kaunseling

**Objektif** – (a) Menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti, memberi kesedaran kepada Warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian; (b) Meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optima secara berterusan; (c) Menyediakan pendidikan kesihatan mental dan fizikal kepada Warga KPM; (d) Melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan; dan (e) Melestarikan kelangsungan perkhidmatan kaunseling kepada *stakeholder*.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. perkhidmatan khidmat kaunseling	200	250	250
Bil. perkhidmatan khidmat runding	50	60	60
Bil. program 3P (Pencegahan, Pemulihan dan Pengembangan)	3	4	4
Bil. penyelidikan dan pembangunan	2	2	2

#### Aktiviti 9 : Pengurusan Tajaan dan Latihan

**Objektif** – (a) Menguruskan pemberian biasiswa, pinjaman dan bantuan kewangan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan pelajar dengan cekap dan adil; (b) Menguruskan kelulusan permohonan cuti belajar, cuti belajar separuh gaji dan cuti belajar tanpa gaji kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang melanjutkan pengajian dengan cekap dan sistematik; dan (c) Menguruskan kutipan tuntutan gaji pecah kontrak perjanjian biasiswa, kutipan bayaran balik pinjaman, pelepasan dengan izin dan perpindahan kontrak perjanjian dengan cekap dan berkesan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran	7,002	2,065	2,065
Bil. tawaran cuti belajar oleh PPP	2,245	3,296	3,296

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran dan tuntutan ganti rugi pecah kontrak	17,473,286	16,800,000	16,800,000

#### Aktiviti 10 : Pengurusan Maklumat

**Objektif** – (a) Menentukan hala tuju, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan inisiatif ICT melalui Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPM; (b) Menyediakan sistem aplikasi ICT yang memenuhi keperluan pelanggan, efektif dan efisien; (c) Menguruskan sistem pemprosesan peperiksaan awam dan kemasukan ke Institut Pendidikan Awam secara efektif; (d) Menyediakan infrastruktur dan kemudahan ICT yang selamat, dipercayai dan tersedia; dan (e) Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal ICT yang efektif.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. baucer pembayaran yang diproses	1,936	1,500	1,500
Bil. laporan prestasi rangkaian kementerian	10	10	10
Bil. penyelesaian masalah melalui <i>helpdesk</i>	3,938	3,800	3,900

#### Aktiviti 11 : Pengurusan Dasar dan Hubungan Antarabangsa

**Objektif** – Merancang dan menyelaraskan penglibatan Malaysia di dalam arena pendidikan antarabangsa sama ada di peringkat dua hala atau pun pelbagai hala dengan memastikan:- (a) Keberkesanan penglibatan Malaysia dalam program-program dan aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan serantau; (b) Peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan khususnya dengan negara-negara yang telah menandatangani perjanjian kerjasama; (c) Peningkatan imej dan kepimpinan negara melalui penyertaan dan sumbangan yang berkesan kepada pertubuhan-pertubuhan dan negara-negara yang berkaitan; dan (d) Keberkesanan usaha-usaha Kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan di rantau Asia Pasifik.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. lawatan kerjasama dua hala dan pelbagai hala dari luar negara	50	50	50
Bil. lawatan kerjasama dua hala dan pelbagai hala ke luar negara peringkat pegawai kanan	15	15	15
Bil. kerjasama/seminar/bengkel/kursus yang dianjurkan di dalam negara dengan kerjasama pertubuhan antarabangsa	2	2	2
Bil. MOU ditandatangani dengan negara luar	3	3	3
Bil. peserta Malaysia menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kursus yang dianjurkan di luar/dalam negara dengan kerjasama pertubuhan antarabangsa	90	90	90

## Aktiviti 12 : Auditan

*Objektif* – Menjalankan pengauditan terhadap akaun sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan sekolah menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama, rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemaskini, memastikan wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan melaporkan kepada pihak pengurusan.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. laporan audit kewangan	527	250	400
Bil. laporan audit prestasi	5	3	5
Bil. laporan audit siasatan	16	23	25
Bil. sekolah yang diaudit	8,635	8,781	9,181
Bil. laporan dan sijil audit yang dikeluarkan	8,635	8,781	9,181

## Aktiviti 13 : Pengurusan Pendidikan Matrikulasi

*Objektif* – (a) Menyediakan tempat dan peluang bagi lepasan SPM atau setaraf untuk mengikuti program matrikulasi; (b) Melahirkan para lulusan matrikulasi yang berkelayakan dan mencukupi untuk mengikuti kursus/bidang profesional di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara; (c) Membina insan berakhlak mulia, berilmu, kreatif dan berketerampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan; (d) Melonjakkan kecemerlangan program matrikulasi selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan misi nasional; dan (e) Meningkatkan integriti dan profesionalisme staf Program Matrikulasi.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pelajar yang menerima wang saku	42,979	43,017	52,000
Bil. tenaga pelajar yang berkelayakan dan terlatih	1,808	2,100	2,500
Bil. aktiviti kokurikulum	574	699	715
Bil. pelajar mendapat PNGK 4.0	1,501	1,282	1,800
Bil. latihan pembangunan sumber manusia	154	88	100

## PROGRAM 2 : DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

*Objektif* – Menentukan semua rakyat Malaysia layak menerima pendidikan terbaik selaras dengan dasar pendemokrasian pendidikan supaya mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, berdisiplin dan bertanggungjawab.

### Aktiviti 1 : Pengurusan Dasar dan Pembangunan Pendidikan

*Objektif* – Menyediakan maklumat dan data yang tepat bagi pihak pemutus dasar merancang, mengurus dan memantau aktiviti-aktiviti perancangan, penyelidikan dan penilaian dasar pendidikan dengan cekap dan berkesan untuk menghasilkan perancangan pendidikan kebangsaan yang menyeluruh dan bersepadu.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. bengkel/seminar/kursus yang dianjurkan	70	30	75
Bil. penyediaan kertas kerja/kajian/cadangan/ konsep/pelan tindakan/kabinet	0	10	10
Bil. penerbitan prosiding/jurnal	30	-	5
Bil. pemantauan/kutipan/verifikasi data	15	-	15
Bil. penyediaan teks ucapan	30	30	30

### Aktiviti 2 : Pembangunan Kurikulum

**Objektif** – (a) Mempertingkatkan kefahaman, pengetahuan dan kemahiran setiap Jurulatih Utama yang berkenaan supaya mereka dapat menyampaikan dengan jelas kehendak program-program kurikulum kepada guru-guru demi menjamin keberkesanan dan keefisienan pelaksanaan program terutama yang diinisiatifkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK); (b) Mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan memantapkan lagi kandungan kurikulum berdasarkan sumber-sumber baru supaya sesuai dan relevan dengan hasrat dan keperluan semasa; (c) Mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui program/aktiviti sokongan kurikulum baru; (d) Mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan membuat penambahbaikan program sedia ada berasaskan dapatan dan hasil pengesanan dan pemantauan pelaksanaan kurikulum; (e) Mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran melalui penghasilan bahan-bahan sokongan kurikulum seperti modul atau garis panduan yang relevan dan berkesan; dan (f) Mempertingkatkan kualiti pendidikan berdasarkan data emperikal (*emperical data*) dan maklumat yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penilaian kurikulum.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. dokumen standard	8	21	38
Bil. peserta kursus bagi penyebaran kurikulum	4,954	19,326	5,973
Bil. laporan penghasilan pelaksanaan kurikulum	18	54	63
Bil. penghasilan bahan sokongan kurikulum	36	78	52
Bil. penyelidikan dan penilaian kurikulum	18	34	29

### Aktiviti 3 : Pengurusan Teknologi Pendidikan

**Objektif** – (a) Memberi khidmat bantu kepada murid dan guru dalam penggunaan teknologi pendidikan; (b) Mencari pendekatan baru mengintegrasikan teknologi dalam pengurusan sekolah, pengajaran dan pembelajaran agar mempertingkatkan kualiti pendidikan; (c) Membangun dan menambah baik bahan sumber pendidikan dalam memastikan guru dan murid mengakses bahan sumber berkualiti dengan cepat; (d) Mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan membuat penambahbaikan program sedia ada berasaskan dapatan dan hasil pengesanan dan pemantauan pelaksanaan kurikulum; (e) Menyebarkan bahan sumber pendidikan melalui pelbagai medium agar diakses oleh semua warga pendidikan; (f) Meningkatkan kecekapan pengurusan pusat sumber sekolah berasaskan teknologi bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran; (g) Mempromosikan penggunaan bahan sumber pendidikan secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran; dan (h) Mengajukan program pengiktirafan ke atas aktiviti teknologi pendidikan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. rancangan, penyediaan dan penerbitan bahan P&P dalam pelbagai media	1,377	666	666
Bil. pemantauan/penyelarasan/penilaian pelaksanaan program Sekolah Bestari dan Pembestarian Sekolah	6,088	800	800
Bil. perkhidmatan meja bantuan ICT di Sekolah	3,680	4,000	4,000
Bil. penyelenggaraan ICT di Sekolah	5,216	6,088	6,088
Bil. latihan/khidmat bantu/promosi bagi menggalakkan penggunaan teknologi pendidikan dan media	8,198	734	734

#### Aktiviti 4 : Lembaga Peperiksaan Malaysia

**Objektif** –(a) Merancang, membina dan mengeluarkan semua jenis dan bentuk pengujian dan pengukuran pendidikan berdasarkan falsafah pendidikan kebangsaan; (b) Mengawal, menyelaraskan dan mengendalikan (5) peperiksaan awam, dan pentaksiran berasaskan sekolah dan peperiksaan luar negeri yang tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan kepentingan negara; (c) Memberi khidmat bantu, nasihat dan rundingan tentang sistem peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. instrumen pentaksiran dibina dan dikeluarkan	258	334	334
Bil. instrumen pentaksiran diterbitkan dan diedarkan	26,170,383	26,693,710	27,217,118
Bil. pentaksiran diuruskan dan dikendalikan	17,960	18,319	18,678

#### Aktiviti 5 : Buku Teks

**Objektif** – (a) Menguruskan pemerolehan pakej buku teks KBSR semakan, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), KBSM semakan dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain bagi kegunaan murid di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang dilaksanakan melalui sebut harga, tender dan rundingan terus. Mengawal harga serta mengawal mutu fizikal buku bagi memastikan bahan yang dihasilkan berkualiti; (b) Menguruskan bantuan buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks kepada semua murid warganegara Malaysia dan dibekalkan ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta sekolah agama rakyat di seluruh negara; (c) Memastikan pembekalan buku teks di pasaran terbuka mencukupi; (d) Memastikan penggunaan buku teks secara optimum di kalangan guru dan murid; dan (e) Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan buku teks dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain; dan (f) Menguruskan pemerolehan bahan bacaan tambahan, bahan bantu mengajar/ belajar bagi pusat sumber sekolah dari peringkat pra sekolah sehingga sekolah menengah atas.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. penghasilan dan penerbitan buku teks	80	103	109
Bil. naskah dipesan di bawah pelaksanaan program SPBT	19,818,047	25,100,000	32,000,000

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. penyelidikan & pembangunan buku teks	10	9	15
Bil. kursus pengurusan & perkhidmatan sokongan	17	17	17
Bil. naskhah dipesan di bawah program dan pembekalan bahan bacaan tambahan	806,062	700,000	1,500,000

### Aktiviti 6 : Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

**Objektif** – (a) Menasihati Kerajaan dalam perkara dasar dan peraturan industri buku serta pembangunan buku khususnya penerbitan bercetak dan penerbitan elektronik dalam Bahasa Melayu; (b) Menjalankan usaha memupuk dan menggalakkan minat membaca di kalangan rakyat Malaysia seperti yang termaktub dalam matlamat Dasar Buku Negara serta pembinaan modal insan yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 dan Misi Nasional; (c) Menggalakkan pembentukan norma dan mengadakan kod etika industri buku untuk meningkatkan profesionalisme serta persaingan yang sihat dan adil dengan mengadakan institusi dan peraturan *self-regulation* untuk industri buku; (d) Menjalankan kegiatan bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme dalam bidang kepengarangan, penerbitan, pengeluaran dan pemasaran buku bercetak dan buku elektronik; (e) Menjalankan kajian dan penyelidikan tentang pelbagai aspek penerbitan, pengeluaran dan pemasaran industri buku; (f) Menjadi pusat maklumat industri buku dengan menubuhkan pangkalan data elektronik dan portal laman sesawang (*website*) industri buku; (g) Membantu penerbitan buku-buku yang dianggap tiada daya maju dari segi komersial tetapi penting bagi pembangunan ilmu pengetahuan; (h) Memudahkan perundingan antara Kerajaan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan industri buku dan menjadi forum bagi mana-mana pihak yang berkepentingan dalam industri buku; (i) Menubuhkan pusat pendaftaran penerbit dan pusat pendaftaran hak cipta; (j) Menggalakkan penyertaan industri buku negara dalam kegiatan pembangunan dan promosi buku di peringkat nasional dan antarabangsa, termasuk yang berkaitan dengan urusan hak cipta; (k) Bekerjasama dengan pihak penerbit dalam usaha memperbanyakkan penerbitan bahan bercetak dan elektronik bagi kegunaan pendidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan; dan (l) Menggalakkan perkembangan industri buku di Malaysia melalui program dan aktiviti pemasaran dan lain-lain yang dirancang selaras dengan Misi Nasional dan matlamat Wawasan 2020.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. perancangan/penggubalan/perangkaan/kajian ke atas dasar dan peraturan industri buku	-	17	20
Bil. program membaca/penyelarasan/pemantauan/kajian/khidmat nasihat	5	16	16
Bil. penerbitan dan promosi buku	20	19	27
Bil. latihan perbukuan dan pengurusan maklumat diuruskan	5	18	18

### PROGRAM 3 : OPERASI PENDIDIKAN

*Objektif* – Memastikan Sistem Pendidikan diurus dengan cekap, berkesan dan sistematik untuk memberi sumbangan kepada pembangunan sumber tenaga manusia selaras dengan perkembangan kemajuan negara.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan Operasi Pendidikan

*Objektif* – (a) Mengurus dan menyelaras semua aktiviti pendidikan awal kanak-kanak, prasekolah, rendah, menengah dan asrama untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan dasar pendidikan; dan (b) Memastikan pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan pendidikan yang dikendalikan oleh semua pusat pendidikan awal kanak-kanak KPM, prasekolah, rendah dan menengah mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

##### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. penempatan guru Rendah	8,520	9,000	9,000
Bil. penempatan guru Menengah	8,920	9,000	9,000
Bil. pertukaran guru antara negeri (rendah)	6,450	6,500	6,500
Bil. pertukaran guru antara negeri (menengah)	5,500	5,500	5,500
Bil. mesyuarat yang diselenggarakan	466	466	466

#### Aktiviti 2 : Pendidikan PraSekolah

*Objektif* – Menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid yang berumur antara 4 hingga 6 tahun bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

##### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. menguruskan mesyuarat/taklimat/kursus/ seminar/bengkel pemantapan pengurusan prasekolah kepada pentadbir	35	50	55
Bil. kelas yang diberikan kemudahan P&P Prasekolah	1,322	7,511	8,216
Bil. murid yang menerima peruntukan bantuan makanan mengikut senarai yang ditetapkan	155,378	162,236	177,746
Bil. murid yang menerima peruntukan perkapita	155,378	162,236	177,746
Bil. aktiviti Prasekolah	100	160	300

#### Aktiviti 3 : Pendidikan Rendah

*Objektif* – Menyediakan pendidikan asas kepada kanak-kanak dalam tempoh 5 hingga 7 tahun supaya dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira bagi melengkapkan diri untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat menengah, juga untuk



menjadikan mereka warga negara yang berpengetahuan, berdisiplin, bertanggungjawab dan berdikari selaras dengan Dasar Pendidikan Negara.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. murid sekolah rendah yang menerima P&P*	2,565,827	2,747,438	2,441,568
Bil. murid tahap 2 yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum (BSSK)	479,185	726,855	630,558
Bil. guru ganti (GSTT) di sekolah	4,340	4,527	4,327
Bil. guru terlatih di sekolah	80,831	105,688	88,273
Bil. sekolah yang diselenggara	7,629	7,662	7,672

\* P&P - Pengajaran dan Pembelajaran

#### Aktiviti 4 : Pendidikan Menengah

**Objektif** – Menyediakan kemudahan pendidikan kepada murid-murid dari tingkatan peralihan hingga ke tingkatan enam (atas) dalam lingkungan umur 12 hingga 20 tahun meliputi aspek kurikulum dan kokurikulum untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan matlamat falsafah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. guru terlatih di sekolah	144,934	146,727	154,988
Bil. murid di sekolah menengah	2,137,021	2,133,537	2,397,248
Bil. guru ganti di sekolah (GSTT)	8,915	2,133,537	7,848

#### Aktiviti 5 : Asrama

**Objektif** – Menyediakan kemudahan tempat tinggal yang kondusif dan makanan yang seimbang kepada semua penghuni yang terdiri daripada murid-murid miskin, rumah jauh dari sekolah, sukar mendapat pengangkutan dan menghadapi ancaman keselamatan supaya mereka dapat meneruskan persekolahan dengan sempurna selaras dengan Akta Pendidikan 1996.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. asrama	1,401	1,410	1,417
Bil. asrama yang dibaikpulih	382	401	420
Bil. penghuni asrama	268,371	269,461	270,305
Bil. harta modal yang dibekalkan	1,219	55,333	96,950
Bil. murid yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum	26,702	26,912	27,126

#### Aktiviti 6 : Pengurusan Pentadbiran Negeri-Negeri

**Objektif** – Meningkatkan tahap pengurusan profesional khidmat sokongan di Jabatan, PPD/PPG, PPDK dan sekolah dalam aspek pengurusan pentadbiran kewangan, pembangunan, rekod, keselamatan, kebersihan, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran selaras dengan peraturan-peraturan pentadbiran dan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. baucar bayaran yang diuruskan	421,784	596,800	383,600
Bil. akaun sekolah yang dipantau	1,890	2,342	2,348
Bil. buku rekod perkhidmatan yang dikemaskini	176,962	163,226	183,517
Bil. bengkel/kursus yang dijalankan	1,988	2,187	1,968
Bil. kursus kejurulatihan (TOT) diadakan	65	82	76

#### Aktiviti 7 : Pendidikan Islam

**Objektif** – (a) Meningkatkan kualiti Pendidikan Islam yang berkesan untuk melahirkan murid-murid yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak mulia bagi membangunkan masyarakat dan negara; (b) Meningkatkan kualiti Bahasa Arab yang berkesan untuk membolehkan murid berkomunikasi dengan baik dan mendalami pelbagai sumber ilmu; (c) Meningkatkan kualiti pengurusan penempatan dan pertukaran Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan cekap dan strategik supaya perkhidmatannya dapat menyumbang ke arah keberkesanan Pendidikan Islam; (d) Meningkatkan kualiti kemahiran dan keterampilan guru Bahasa Arab secara berterusan dalam pelbagai bidang supaya pengajaran dan pembelajarannya sentiasa menarik dan berkesan; (e) Meningkatkan kualiti perkhidmatan sistem maklumat Pendidikan Islam yang telus dan tepat untuk mengetahui tahap prestasi pencapaian program dan pembinaan perancangan yang lebih berkesan; (f) Meningkatkan kualiti hubungan dan kerjasama antara BPI dan masyarakat, Jabatan dan agensi dalam dan luar negeri secara permuafakatan supaya semua program dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, cepat dan berkesan; (g) Meningkatkan kualiti dan prestasi kecemerlangan IPA KPM sebagai model sistem pendidikan kebangsaan untuk melahirkan murid yang berkeupayaan mengamalkan cara hidup yang berteraskan Islam dalam pembangunan diri, masyarakat dan negara; (h) Meningkatkan kualiti dan kecemerlangan IPA KPM bagi membolehkannya berperanan membentuk dan melahirkan modal insan yang cemerlang dan mampu mengamalkan cara hidup yang berteraskan Islam dalam kehidupan; dan (i) Meningkatkan kualiti dakwah, penghayatan Islam dan nilai-nilai murni secara berhikmah di kalangan pegawai, guru, kakitangan pendidikan dan murid untuk membantu keberkesanan Pendidikan Islam.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. mesyuarat/aktiviti/pemantauan yang dilaksanakan	23	15	15
Bil. mesyuarat/aktiviti yang dilaksanakan	114	32	32
Bil. mesyuarat/aktiviti/penempatan/pertukaran guru yang dilaksanakan	6	4	4
Bil. kursus/taklimat/bengkel/seminar yang dilaksanakan	9	5	5
Bil. mesyuarat/bantuan yang dilaksanakan	2	1	1

#### Aktiviti 8 : Pendidikan Teknikal

**Objektif** – Menghasilkan Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang berkualiti melalui:- (a) Penyelarasan dasar pengoperasian, pembangunan prasarana fizikal dan penyediaan fasiliti; (b) Program pengurusan akademik yang terancang dan efektif untuk kemenjadian murid; (c)

Pengurusan sumber manusia, kewangan, pentadbiran dan hal ehwal murid yang berkesan; dan (d) Pembangunan profesionalisme berterusan yang terancang untuk guru dan pegawai.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pelajar pendidikan teknik & vokasional	57,273	57,720	62,500
Bil. tenaga pengajar	7,740	7,937	7,900
Bil. pemantauan/ kajian yang dijalankan	24	25	32
Bil. kursus/ seminar yang dilaksanakan	51	30	42
Bil. mesyuarat/ laporan bagi program pembangunan kakitangan	36	38	44

#### Aktiviti 9 : Pendidikan Khas

**Objektif** – Menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan bagi murid berkeperluan khas dan murid pemulihan khas supaya mereka menjadi warganegara yang mampu berdikasi dan dapat menyumbang khidmat bantu kepada masyarakat dan negara.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. laporan prestasi perbelanjaan kewangan	32	32	32
Bil. murid berkeperluan khas	24,400	30,000	48,000
Bil. laporan pemantauan keberkesanan P&P di sekolah	50	40	40
Bil. kursus/latihan yang dianjurkan	90	95	95
Bil. mencetak dan mengedarkan buku teks	4,000	4,500	4,500

#### Aktiviti 10 : Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan

**Objektif** – Mengurus dan menyelaras semua aktiviti pendidikan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan dapat melonjak kecemerlangan Sekolah Kluster dan Kebitaraan (*Niche Areas*) serta membantu melonjakkan sekolah yang sekelompok dengannya untuk menyerlahkan watak sekolah bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pelajar SBP	33,771	12	35,855
Bil. sekolah yang memperoleh keputusan 80% ke atas calon mendapat Gred A bagi semua mata pelajaran yang diambil (PMR)	5	10	15
Bil. calon yang mendapat Gred A bagi semua mata pelajaran yang diambil (SPM)	1,466	1,797	2,034

#### Aktiviti 11 : Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

**Objektif** – (i) Pengurusan Sukan (Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum) :- (a) Merancang program pembangunan sukan sekolah bagi melahirkan murid yang sihat dan cergas; (b) Merancang program pembangunan sukan berprestasi tinggi di sekolah supaya berjaya dan

cemerlang dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (c) Merancang penyediaan kemudahan dan prasarana sukan yang berkualiti bagi program pembangunan sukan sekolah; (d) Mengurus program pembangunan sukan sekolah melalui program “Sukan Untuk Semua” dan “Sukan Untuk Kecemerlangan” bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya sukan dan mewujudkan integrasi nasional; (e) Menyediakan program latihan profesional kepada guru-guru sukan sejajar dengan perkembangan sukan di peringkat antarabangsa; dan (f) Memantau program pembangunan sukan sekolah bagi melahirkan murid yang cemerlang dalam pertandingan di peringkat pembangunan sukan di sekolah sejajar dengan piawai pencapaian sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

(ii) Pengurusan Kesenian (Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum):- (a) Merancang program pendidikan kesenian bagi melahirkan murid mengamalkan budaya warisan bangsa; (b) Merancang program pendidikan kesenian di sekolah supaya mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (c) Merancang penyediaan kemudahan dan prasarana pendidikan kesenian yang berkualiti bagi menjamin kesempurnaan dan keberkesanan pelaksanaan pendidikan kesenian; (d) Mengurus program pendidikan kesenian selaras dengan Dasar Kesenian Negara bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya seni dan mewujudkan integrasi nasional; (e) Menyediakan program latihan profesional kepada guru-guru seni sejajar dengan perkembangan kesenian di peringkat antarabangsa; dan (f) Memantau pelaksanaan program pendidikan kesenian bagi memastikan objektif dan matlamat tercapai.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. peningkatan pelajar menyertai sukan premier	6,500	7,000	7,300
Bil. peningkatan penyertaan pelajar dalam program bola sepak dan bola jaring sepanjang tahun	20,000	22,000	30,000
Bil. penyertaan pelajar dalam pertandingan MSSM di peringkat kebangsaan	220,000	230,000	250,000
Bil. peningkatan murid menyertai kegiatan kokurikulum peringkat kebangsaan	89,202	13,876	89,202
Bil. penyertaan murid dan aktiviti kesenian dan kebudayaan di peringkat kebangsaan	3,286	600	618

#### Aktiviti 12 : Pendidikan Swasta

**Objektif** – (a) Memastikan dasar perancangan dan hala tuju pendidikan swasta selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Rancangan Lima Tahun Malaysia, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Wawasan Negara; (b) Memastikan semua pengurusan penubuhan dan pendaftaran institusi pendidikan swasta mematuhi peruntukan perundangan dan syarat yang ditetapkan di bawahnya; (c) Menentukan pelaksanaan sistem penguatkuasaan dan pengawal seliaan yang cekap di bawahnya; (d) Memastikan infrastruktur serta prasarana di IPS berkualiti dan mematuhi piawai yang ditetapkan bagi menghasilkan pendidikan yang cemerlang; dan (e) Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang menawarkan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. lawatan pemeriksaan, penyeliaan, pengawal seliaan dan kawalan standard pendidikan	300	350	350

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kelulusan penubuhan sekolah antarabangsa	12	14	15
Bil. dokumen yang diterbitkan	5	6	7
Bil. pameran pendidikan yang dijalankan	25	10	20

#### PROGRAM 4 : PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN

**Objektif** – Memastikan perancangan, pengurusan, penilaian dan pemantauan dasar berkaitan dengan kualiti pengurusan dan kepimpinan guru dilaksanakan berdasarkan perancangan yang strategik.

##### Aktiviti 1 : Pengurusan Pembangunan Profesionalisme Keguruan

**Objektif** – (a) Meningkatkan profesionalisme guru terlatih prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, Institusi Pendidikan Swasta dan agensi luar Kementerian Pelajaran mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran semasa melalui *Program Continuous Professional Delevelopment (CPD)*; (b) Meningkatkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, TMK, penyelidikan dan inovasi, kurikulum, kokurikulum, pentaksiran, pembangunan staf dan kompetensi menerusi profesionalisme yang terancang dan komprehensif; (c) Meningkatkan kualiti program latihan dalam perkhidmatan guru dengan menggunakan piawaian ISO dalam proses perancangan dan penggubalan dasar, pengambilan kurikulum, kokurikulum, penyelidikan dan inovasi, penilaian dan pentaksiran serta pembentukan sahsiah guru selaras dengan keperluan pendidikan negara; (d) Meningkatkan keberkesanan pengurusan maklumat, kewangan, personel dan pentadbiran dengan menambah dan meningkatkan tahap kemudahan dan permodenan prasarana fizikal serta teknologi maklumat dan komunikasi di BPG supaya pengurusan dan latihan dalam perkhidmatan guru dapat dilaksanakan seperti yang dirancang; (e) Melaksanakan program khas bagi peserta kursus dalam dan luar negara selaras dengan hasrat dan wawasan negara; dan (f) Meningkatkan integriti dan akauntabiliti dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan.

Output	PRESTASI AKTIVITI		
	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pengambilan Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah Mod sepenuh masa	11,183	3,305	3,000
Bil. pengambilan Guru Pelatih KPLI Sekolah Rendah JQAF Mod LPS	1,986	200	2,360
Bil. pengambilan Guru Pelatih KPLI KDC P.Tamil dan P.China	800	1,100	800
Bil. pengambilan Guru Pelatih KPLSPM	6,190	5,273	5,000
Bil. latihan peningkatan profesionalisme SPK	273	0	300

##### Aktiviti 2 : Latihan Dalam Perkhidmatan

**Objektif** – (a) Menyediakan guru terlatih bagi memenuhi keperluan guru prasekolah, sekolah rendah, Institut Pendidikan Swasta dan agensi luar KPM; (b) Meningkatkan amalan nilai

profesionalisme, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan PPP dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, TMK penyelidikan dan inovasi, kurikulum, kokurikulum, pentaksiran, pembangunan staf dan kompetensi menerusi latihan profesionalisme yang terancang dan komprehensif; (c) Memastikan semua program latihan perguruan mematuhi kehendak dan kriteria Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) serta mendapat pengakreditasi dan pengiktirafan Agensi Kelayakan (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); (d) Meningkatkan kualiti program pendidikan guru dengan menggunakan piawaian ISO dalam proses perancangan dan penggubalan dasar, pengambilan, kurikulum, kokurikulum, penyelidikan dan inovasi, penilaian dan pentaksiran serta pembentukan sahsiah pelajar supaya selaras dengan keperluan pendidikan negara; (e) Meningkatkan keberkesanan pengurusan maklumat, kewangan personel dan pentadbiran dengan menambah dan meningkatkan tahap kemudahan dan pemodenan prasarana fizikal dan teknologi maklumat dan komunikasi di BPG, IPG dan ELTC supaya pengurusan dan latihan pendidikan guru dapat dilaksanakan seperti yang dirancang; dan (f) Melaksanakan program khas bagi peserta kursus dalam dan luar negara selaras dengan hasrat dan wawasan negara.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pengambilan guru pelatih	3,117	17,301	20,426
Bil. ujian kelayakan pendidikan guru (Mtest)	2	2	2
Bil. latihan panel penemuduga pengambilan pelatih guru	80	80	80
Bil. penghasilan sumber P&P kursus praperkhidmatan	20	20	20
Bil. penerbitan jurnal pendidikan IPG	27	28	28

#### Aktiviti 3 : Institut Aminuddin Baki

**Objektif** – (a) Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan dan sikap positif di kalangan pengurus-pengurus dan bakal pengurus pendidikan di peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan KPM melalui program latihan dalam perkhidmatan supaya tahap pengurusan dan kepimpinan lebih cekap dan berkesan; (b) Melatih pegawai-pegawai staf sokongan I dan II untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan pengurusan dalam aspek sistem pentadbiran, pendidikan dan kewangan; (c) Melaksanakan program taksiran kompetensi pengurus dan pemimpin menggunakan instrumen Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS) secara atas talian, bilangan yang terlibat adalah seramai hampir 10,000 orang; (d) Menjalankan kajian keperluan dan kajian impak latihan supaya kursus-kursus dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan; (e) Menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor dan situasi keberkesanan pengurusan dan kepimpinan dalam organisasi pelajaran berasaskan keadaan setempat supaya kokurikulum kursus yang dijalankan sesuai dengan keperluan pelanggan; (f) Mempertingkatkan penghasilan penulisan dan penerbitan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pelajaran; (g) Memberi khidmat nasihat kepada pengurus-pengurus pelajaran di peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM bertujuan mengurangkan masalah dalam pengurusan sekolah; (h) Memberi khidmat nasihat dan rundingan cara bagi kumpulan sekolah kluster dan program memperkasakan sekolah kebangsaan, bilangan sekolah yang perla diperkasakan ialah sebanyak 700 buah; (i) Memberi khidmat nasihat dan latihan kepada peserta-peserta antarabangsa dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pelajaran melalui usahasama dengan agensi luar negara; dan (j) Meningkatkan tubuh ilmu pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. latihan yang dilaksanakan	340	596	596
Bil. penyelidikan yang dijalankan	9	10	10
04903	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	56,000,000	56,000,000	36,314,262	79,600,000	<b>43,600,000</b>	<b>0</b>
04904	Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	111,527,667	111,527,667	221,407,800	37,500,000	<b>111,527,700</b>	<b>0</b>
05000	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	93,000,000	93,000,000	322,910,800	154,419,000	<b>63,400,000</b>	<b>0</b>
05001	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	13,000,000	13,000,000	85,889,410	31,500,000	<b>13,000,000</b>	<b>0</b>
05002	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	88,000,000	88,000,000	64,281,687	89,791,000	<b>63,580,000</b>	<b>0</b>



## Maksud Pembangunan 49 - KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI


P.49

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Anggaran Bagi Tahun 2011-2012	Perbelanjaan Sebenar 2006-2009	Anggaran Dipinda 2010	Anggaran Tahun 2011	
						Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM	(8) RM
05003	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	63,000,000	63,000,000	85,865,967	115,643,000	<b>44,734,700</b>	<b>0</b>
05004	Bahagian Kebajikan Pelajar Luar Negara	2,000,000	2,000,000	35,600,000	10,000,000	<b>950,000</b>	<b>0</b>
05009	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT)	5,500,000	5,500,000	50,989,800	35,000,000	<b>2,300,000</b>	<b>0</b>
05011	Penyelidikan Fundamental	866,000,000	861,000,000	210,566,747	70,000,010	<b>236,000,000</b>	<b>0</b>
05012	Latihan Penyelidikan Universiti	3,133,609,000	771,000,000	613,649,272	316,000,000	<b>298,937,000</b>	<b>0</b>
05013	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	3,832,500	3,832,500	9,762,419	10	<b>3,832,500</b>	<b>0</b>
05014	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	3,600,000	3,600,000	3,132,126	8,552,000	<b>3,600,000</b>	<b>0</b>
05015	ICT Strategy Planning	1,000,000	1,000,000	13,089,069	1,000,000	<b>1,000,000</b>	<b>0</b>
<b>JUMLAH PEMBANGUNAN</b>		<b>7,820,063,894</b>	<b>4,749,422,436</b>	<b>6,254,941,922</b>	<b>3,237,519,111</b>	<b>2,416,274,000</b>	<b>0</b>

# KEMENTERIAN PERTAHANAN

## Maksud Bekalan/Pembangunan 60



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
10,531,089,000	3,292,649,600	0	13,823,738,600

### OBJEKTIF

Mengurus pertahanan negara secara cekap dan berkesan.

### PELANGGAN

- (i) Angkatan Tentera Malaysia;
- (ii) Orang awam;
- (iii) Mangsa bencana;
- (iv) Agensi-agensi awam dan swasta;
- (v) Anggota Kadet Pertahanan Awam; dan
- (vi) Pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

### STRATEGI

- (a) **Teras Pertama – 70% Tahap kesiapsiagaan** - Tahap kesiapsiagaan ATM yang tinggi adalah amat penting bagi membantu ATM melaksanakan tanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan negara. ATM perlu bersedia di dalam menghadapi apa jua ancaman yang timbul. Untuk menentukan tahap kesiapsiagaan ATM, peruntukan yang mencukupi disediakan untuk elemen-elemen berikut:-

- a. Memperoleh aset yang terkini dan mengikut perkembangan teknologi;
  - b. Menyelenggara aset supaya sentiasa berada dalam keadaan baik;
  - c. Meningkatkan kemudahan infrastruktur; dan
  - d. Mempunyai anggota yang cekap dan terlatih
- (ii) **Teras Kedua – K-Force** - Keutamaan peruntukan juga diberikan terhadap aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan tahap kompetensi anggota ATM iaitu bagi perbelanjaan yang menjurus kepada keperluan latihan seperti biasiswa, perolehan peralatan latihan, perkhidmatan dan hospitaliti, kursus, seminar, program pengajian peringkat sijil, diploma dan ijazah sama ada di dalam atau di luar negara serta program Pengajian Jarak Jauh (PJJ) dan *e-learning*. Ini bertujuan untuk melahirkan anggota yang mempunyai pengetahuan yang tinggi, berdaya saing dan disegani.
- (iii) **Teras Ketiga – Kebajikan dan kesejahteraan anggota ATM** - Menyedari tentang pentingnya untuk menjaga moral anggota ATM, tumpuan perbelanjaan juga diberikan terhadap aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan 'self esteem' dan kesejahteraan anggota ATM.

## PROGRAM 1 : PENTADBIRAN PERTAHANAN

**Objektif** – Memastikan dasar dan sistem pengurusan pertahanan mencapai objektif pertahanan negara di mana semua peralatan, kemudahan, perkhidmatan dan sumber pertahanan diperolehi serta dipertingkatkan keupayaannya, di samping menentukan segala peralatan mampu diselenggara dengan kemas dan teratur.

### Aktiviti 1 : Pentadbiran dan Dasar Pertahanan

**Objektif** – (a) Memastikan bekalan peralatan pejabat dan perabot yang berusia lebih sepuluh tahun diganti bagi peningkatan mutu kerja dan kebajikan anggota; (b) Memastikan serta mengekalkan penyelenggaraan/kebersihan bangunan dan harta modal dalam keadaan baik pada setiap masa; (c) Memastikan semua aktiviti perhubungan awam berjalan dengan licin dan lancar; (d) Memastikan pengurusan sumber tenaga manusia yang cekap dan berkesan; (e) Memastikan pengurusan pengauditan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; (f) Memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan mengikut peraturan; dan (g) Menyediakan garis panduan dasar pertahanan negara dan mengawasi pelaksanaan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. perolehan perbekalan & peralatan pejabat			
- perbekalan	450	400	500
- peralatan pejabat	340	69	69
Bil. kerja penyelenggaraan bangunan untuk elektrik, mekanikal dan awam	2,361	2,450	2350
Jumlah pengisian perjawatan	2,167	2,350	2,350

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. penerima Skim Bantuan Kebajikan Veteran ATM	2,850	3,500	3,500

#### Aktiviti 2 : Logistik

*Objektif* – (a) Memastikan pengurusan perolehan, bekalan serta perkhidmatan untuk Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dilaksanakan mengikut keperluan, peraturan dan masa yang ditetapkan; (b) Memastikan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pelaksanaan R&D dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan; (c) Memastikan keperluan teknologi maklumat yang sesuai sama ada peralatan ataupun sistem yang terkini berada dalam keadaan boleh digunakan setiap masa; (d) Merancang, menyelaras dan mengawal projek-projek pembangunan KEMENTAH mengikut tempoh yang ditetapkan; dan (e) Membangunkan perkembangan Industri Pertahanan melalui perpindahan teknologi supaya mencapai tahap ‘*self reliance*’.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. laporan pengujian/penilaian dikeluarkan	790	584	700
Bil. sistem aplikasi/perkakasan yang disiapkan	7	11	5
Bil. penggunaan perkhidmatan emel	3600	3800	3800
Bil. penyelenggaraan stok simpanan pertahanan	24	36	36
Bil. penyelenggaraan yang dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan	24	36	36

#### PROGRAM 2 : BANTUAN BERSAMA

*Objektif* –Menyediakan satu sistem pertahanan negara yang bersepadu seiring dengan pernyataan arah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu menjadi angkatan tentera yang kredibel. Berpandukan misi ke arah mewujudkan dan merealisasikan angkatan tentera yang sentiasa siaga untuk melindungi kedaulatan dan integriti negara maka 4 matlamat berikut perlu dilaksanakan.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan

*Objektif* – (a) Meningkatkan kualiti pengurusan pentadbiran dan khidmat nasihat perkhidmatan di ATM; (b) Mengekal dan meningkatkan hubungan baik di antara ATM dengan Angkatan Tentera Asing; (c) Meningkatkan kualiti aktiviti-aktiviti perisikan ATM; (d) Melahirkan Pegawai Tentera Berijazah supaya menjadi pelapis kepimpinan yang berkualiti; dan (e) Memberi perkhidmatan kesihatan yang memuaskan kepada warga ATM dan awam di Kementerian Pertahanan.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pegawai/LLP dan awam yang dibayar gaji dan elaun	9,139	9,540	9,540

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pengambilan siswa UPM	1,700	1,700	2,050
Bil. pesakit luar (Tentera)	58,326	59,300	61,500
Bil. pesakit yang dimasukkan ke wad (Tentera)	2,255	3,000	4,000
Bil. pesakit luar (Awam)	122,190	180,000	185,000

#### Aktiviti 2 : Logistik

*Objektif* – (a) Menyelenggara peralatan dan prasarana Angkatan Tentera Malaysia dengan lebih efektif dan berkesan bagi mendokong kesiapsiagaan anggota-anggota tentera; dan (b) Mendokong logistik pegawai dan anggota Markas ATM seperti keperluan penginapan dan keperluan keadaan dan memastikan keperluan tersebut berada di dalam tahap yang sentiasa memuaskan.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. senggaraan biasa (awam)	600	600	600
Bil. senggaraan berkala bangunan dan kemudahan yang dilaksanakan (elektrik)	495	495	495
Bil. senggaraan pencegahan bangunan dan kemudahan yang dilaksanakan (jentera)	816	820	820
Bil. senggaraan kecemasan bangunan dan kemudahan yang dilaksanakan	88	90	120

#### Aktiviti 3 : Latihan

*Objektif* – Melatih pegawai dan anggota-anggota ATM untuk mencapai dan mengekalkan keperluan dalam bidang peperangan konvensional, perancangan strategik dan pengurusan pertahanan melalui latihan bersama.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. mesyuarat/seminar yang dilaksanakan dalam negara	55	65	65
Bil. mesyuarat/seminar yang dilaksanakan di luar negara	40	40	40
Bil. kursus dalam negara	55	55	55
Bil. penuntut kursus dan program Universiti Malaya (UM)	165	165	165
Bil. penuntut Kursus Pertahanan dan Program Sarjana bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	40	40	40

#### Aktiviti 4 : Operasi

*Objektif* – (a) Mengkoordinasikan semua aspek komunikasi dan elektronik pertahanan berada dalam siap siaga bagi mendokong misi Angkatan Tentera Malaysia; (b) Menyediakan dasar dan mengurus perolehan, pengawalan keselamatan, pembangunan serta senggaraan aset

kriptologi ketiga-tiga perkhidmatan ATM; (c) Bertanggungjawab ke atas semua pembangunan dan pengurusan aset komputer ATM termasuk Ahli Tetap dan Sekretariat untuk Jawatankuasa Komputer ATM; dan (d) Mengendalikan dan mengkoordinasikan proses pengoperasian dan diplomasi ketenteraan bagi dalam dan luar negara serta bencana alam. Terlibat secara langsung dalam pengendalian misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. telefon yang dipasang DEL	2,100	2,200	2,200
Bil. doktrin dan manual	60	65	65
Bil. pemasangan P4 dan AMSS	57	58	58
Bil. pasukan pengaman Misi PBB	4	4	4
Bil. eksekutif gabungan	1	1	2

### PROGRAM 3 : PERTAHANAN DARAT

**Objektif** – Mempertahankan kedaulatan dan kepentingan negara dengan menyediakan Angkatan Tentera Darat yang mampu berperang dan memenangi semua peperangan darat.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – (a) Menyediakan dan mengekalkan paras kekuatan anggota Tentera Darat (TD) sentiasa berada di paras operasi bagi menentukan keselamatan negara terjamin; (b) Merancang dan mengawal selia penempatan anggota di formasi-formasi TD; (c) Meningkatkan pembangunan sumber manusia yang berkualiti dan berpengetahuan melalui skim pengajian tinggi di dalam dan luar negara; (d) Merancang latihan gabungan dengan negara asing bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman TD; (e) Mentadbir dan mengurus semua bahagian, Cawangan dan Jabatanarah di Markas TD supaya dasar pertahanan negara dapat dirancang dan dilaksanakan oleh formasi TD; dan (f) Sentiasa mengkaji, merancang dan menentukan taraf kesiapsiagaan TD selaras dengan perkembangan tentera negara lain supaya hala tuju, wawasan dan misi TD dapat dicapai.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pengambilan rekrut	2,870	4,500	3,000
Bil. promosi Tentera Darat	38	9	40
Bil. pengisian perjawatan kosong	2,870	1,000	3,000
Bil. skim pengajian tinggi	466	450	450
Bil. anggota bersara/menamatkan perkhidmatan	3,220	3,500	3,500

#### Aktiviti 2 : Logistik

**Objektif** – Menentukan kesemua keperluan Logistik Tentera Darat seperti keperluan operasi, latihan, pentadbiran dan keselesaan anggota sentiasa berada dalam tahap kesiapsiagaan dan disediakan dengan cekap dan berkesan seperti berikut: (a) Pembekalan peluru/bahan letupan, peralatan dan alatganti; (b) Penyelenggaraan dan pembaikan peralatan dan kenderaan;

(c) Pembekalan rangsum, petrol, minyak dan pelincir, utiliti dan perkhidmatan lain; (d) Mengatur keperluan pergerakan anggota, kargo, aset straregik dan peralatan serta melaksanakan penyelenggaraan kem-kem Tentera Darat; (e) Melaksanakan baik pulih kenderaan, peralatan dan senjata; dan (f) Menyediakan anggota yang berkepakaran dalam bidang teknikal peluru/letupan, kenderaan dan peralatan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Nilai alat ganti	197,414,867	147,000,000	78,995,000
Nilai rangsum segar/kering/tempur dikeluarkan	177,374,813	145,000,000	150,000,000
Nilai senggaraan bangunan	118,569,439	150,977,000	32,689,000
Nilai utiliti	222,615,489	274,000,000	230,398,000
Katering	103,369,152	189,500,000	102,400,000

#### Aktiviti 3 : Latihan

**Objektif** – (a) Melaksanakan semua aspek latihan/kursus individu anggota Tentera Darat di Pusat/Institut Latihan Tentera Darat merangkumi latihan individu, latihan jasmani serta pembinaan mental dan fizikal supaya Tentera Darat mempunyai anggota yang berkualiti dan profesional; (b) Mengembangkan latihan dan doktrin melalui kajian, latihan dan pengeluaran doktrin dan jurnal peperangan darat; (c) Menguruskan peperiksaan kenaikan pangkat amali dan bertulis pegawai-pegawai Tentera Darat; (d) Menjalankan kajian sistem latihan jasmani dan sukan; dan (e) Mengkoordinasi latihan bakal pegawai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) di institusi pengajian tinggi.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pegawai kadet dilatih/ditauliahkan	128	240	130
Bil. kadet graduan	63	38	65
Bil. perantis putera/penuntut (Tingkatan 1-5)	139	300	300
Bil. rekrut PUSASDA dilatih	2,584	4,500	3,000
Bil. pegawai PALAPES di institusi pengajian tinggi	1,179	2,400	1,150

#### Aktiviti 4 : Operasi

**Objektif** – (a) Menggubal konsep operasi untuk mempertahankan kawasan darat serta menguji keberkesannya; (b) Mengekalkan hubungan baik dua hala atau pelbagai hala dengan tentera darat negara jiran untuk mengelakkan/mengurangkan berlakunya konflik di sempadan darat; (c) Melaksanakan latihan kelompok/bersama di semua peringkat formasi/pasukan termasuk latihan dengan tentera negara asing sejajar dengan dasar yang digariskan oleh Panglima Tentera Darat supaya mencapai tahap kecekapan yang tinggi; (d) Melaksanakan aktiviti sukan bagi membentuk Tentera Darat yang sihat, berdisiplin dan cemerlang dengan semangat kesukanan; (e) Melaksanakan kursus-kursus ‘*decentralised*’ untuk menyelesaikan ‘*backlog*’ supaya anggota Tentera Darat terlatih dan berkepakaran; dan (f) Memastikan formasi-formasi di medan bersedia membantu pihak berkuasa awam di dalam bencana alam seperti banjir, operasi mencari dan menyelamatkan dan sebagainya.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. operasi diadakan	14	15	15
Bil. mesyuarat dengan tentera Thailand	6	6	6
Bil. mesyuarat dengan tentera Indonesia	4	4	4
Bil. latihan medan	135	170	170
Bil. kursus <i>decentralised</i>	80	47	65

### PROGRAM 4 : PERTAHANAN MARITIM

**Objektif** – Menyedia dan mengatur gerak angkatan laut untuk melindungi kepentingan Maritim Malaysia semasa aman dan memastikan kemenangan ketika perang.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – Memelihara keutuhan budaya dan kebajikan warga Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM).

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pegawai/LPP dan awam yang dibayar gaji dan elaun	19,159	19,123	19,380
Bil. pegawai/anggota simpanan yang dibayar elaun	3,450	3,500	3,500
Bil. lawatan rasmi tetamu dalam/luar negara	10	15	20
Bil. promosi TLDM	40	35	40

#### Aktiviti 2 : Logistik

**Objektif** – Memberi khidmat cemerlang untuk kesiagaan Armada TLDM dalam aspek logistik bersepadu.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kontrak alat ganti	60	70	70
Bil. kontrak senggaraan aset	25	47	60
Bil. pembaikan kapal	5	5	10
Bil. senggaraan kerja infrastruktur	350	400	400
Bil. perolehan peralatan/sistem baru	13	43	7

#### Aktiviti 3 : Latihan

**Objektif** – Menyediakan latihan kerjaya dan kelayakan bagi warga TLDM.



#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kursus kepakaran luar negara	65	93	45
Bil. kursus pengajian tinggi	20	22	20
Bil. kursus kerjaya	150	169	175
Bil. kursus kepakaran dalam negeri	5	5	5
Bil. kursus pegawai/anggota simpanan	25	28	25

#### Aktiviti 4 : Operasi

*Objektif* – Memelihara kedaulatan dan keselamatan perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan kepentingan maritim daripada dicerobohi.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. rondaan operasi	5	5	5
Bil. ekksesais gabungan dengan tentera laut asing	13	13	13
Bil. ekksesais Intra TLDM	4	4	4
Bil. ekksesais Intra Perkhidmatan	2	5	5
Bil. pelayaran lawatan operasi luar negara	8	10	10

#### Aktiviti 5 : Hidrografi

*Objektif* – Memastikan maklumat hidrografi, kartografi dan oseanografi disediakan untuk kepentingan TLDM khususnya dan negara amnya.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. penerbitan Carta Nautika	20	20	20
Bil. penerbitan Katalog Carta	7,000	7,000	7,000
Bil. penerbitan Notis Pelaut	9,100	9,100	9,100
Bil. penerbitan Jadual Pasang Surut	7,000	7,000	7,000
Bil. pengukuran hidrografi	15	14	15

#### PROGRAM 5 : PERTAHANAN RUANG UDARA

*Objektif* – Mempertahankan kedaulatan Ruang Angkasa Perwilayahan Malaysia dari ancaman musuh serta memberi bantuan kepada aktiviti pertahanan darat dan maritim serta agensi kerajaan yang lain.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan

*Objektif* – Memastikan pengurusan dasar, sistem, infrastruktur dan sumber manusia TUDM dilaksanakan dengan cekap dan terbaik bagi mencapai tahap kesiapsiagaan sistem pertahanan yang optimum.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. seminar/lawatan dalam dan luar negara	158	239	156
Bil. pengambilan anggota baru	780	600	1,000
Bil. perolehan alat kapital	12	30	6
Bil. penambahbaikan aset/infrastruktur TUDM	17	17	15

#### Aktiviti 2 : Logistik

*Objektif* – Menyediakan dokongan logistik untuk senggaraan sistem persenjataan TUDM seperti pesawat terbang, radar, kenderaan khas udara, peralatan keselamatan dan simulator latihan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. inden perolehan alatganti yang diuruskan	3,410	6,000	6,000
Bil. penyelenggaraan yang di laksanakan	19,759	20,000	20,000
Bil. baris alatan yang dibuat semakan stok	19,000	20,000	20,000
Bil. komponen dan alat ganti diagihkan	19,860	10,000	20,000

#### Aktiviti 3 : Latihan

*Objektif* – Melengkapkan semua anggota TUDM dengan latihan asas ketenteraan dan juga kemahiran lanjutan sumber manusia mengikut pengkhususan bidang masing-masing.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kursus dalam negeri yang dilaksanakan	68	190	112
Bil. kursus melibatkan kontrak latihan	5	14	13
Bil. kursus di institusi awam/swasta	85	180	130
Bil. kursus institusi pengajian tinggi	11	44	20

#### Aktiviti 4 : Operasi

*Objektif* – Mengekalkan kedaulatan ruang angkasa udara negara dari pencerobohan dan mempertahankan kawasan kepentingan negara selaras dengan dasar Kerajaan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. jam penerbangan operasi yang dilaksanakan	11,404	12,000	12,000
Bil. jam penerbangan bantuan yang dilaksanakan	7,304	7,500	7,500
Bil. jam penerbangan kenamaan	870	1,200	1,200
Bil. ekksesais bilateral yang dilaksanakan	10	7	10

## PROGRAM 6 : LATIHAN KHIDMAT NEGARA

**Objektif** – Melatih remaja negara yang terpilih menyertai PLKN bagi tujuan-tujuan berikut: (a) Meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda; (b) Memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional; (c) Membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni; (d) Menyemarakkan semangat kesukarelaan; dan (e) Melahirkan generasi muda yang cergas serta penuh keyakinan diri.

### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – Memastikan pengurusan kewangan, perolehan, sumber manusia, agihan bekalan dan penggunaan teknologi maklumat JLKN dan kem-kem PLKN dilaksanakan dengan cekap dan mengikut peraturan seperti keperluan program.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. bil dibayar dalam tempoh kurang dari 14 hari	22,839	35,900	27,600
Bil. komputer disediakan untuk pegawai dan kakitangan	842	1,000	1,030
Bil. personel yang capai 7 hari berkursus dalam setahun	738	390	730
Bil. kontrak diwujudkan	82	80	80
Bil. perolehan harta modal program	70	29	26

### Aktiviti 2 : Latihan

**Objektif** – Menyedia dan mengurus semua aspek latihan PLKN di kem meliputi penyediaan prasarana, modul latihan, tenaga pengajar berkaliber dan penjagaan kebajikan pelatih.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kem-kem latihan	86	87	87
Bil. kehadiran pelatih	88,803	70,100	90,200
Bil. jurulatih di kem	3,428	3,700	3,900
Bil. pemeriksaan persekitaran secara berkala di kem-kem PLKN	74	93	75
Bil. kursus kejurulatihan	24	50	25
Bil. RM dibelanjakan untuk membayar insurans peserta (pelatih, jurulatih dan staf pengurusan di kem) PLKN	564,680	2,100,000	2,080,400

**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS 2011**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal 2010 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2011 RM</i>
10000	Emolumen	4,528,100,900	<b>4,987,425,000</b>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	4,282,267,000	<b>5,039,278,730</b>
30000	Aset	224,879,000	<b>426,584,700</b>
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	65,781,000	<b>77,695,570</b>
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	115,000	<b>105,000</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		9,101,142,900	<b>10,531,089,000</b>

**ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2011 MENGIKUT OBJEK AM**

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan Asal Tahun 2010 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2011 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	191,236,100	<b>281,368,400</b>
30000	Aset	1,721,124,900	<b>3,011,281,200</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		1,912,361,000	<b>3,292,649,600</b>

**RINGKASAN - 2011**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus	<b>10,531,089,000</b>
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung) .. .. .	<b>3,292,649,600</b>
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN PERTAHANAN	<b>13,823,738,600</b>

## Maksud Bekalan 60 - KEMENTERIAN PERTAHANAN

B.60

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2010	2011	2010	2011
			RM	RM		
<b>010000</b>	<b>PENTADBIRAN PERTAHANAN</b>	...	397,688,230	<b>411,397,800</b>		
		10000	70,107,790	<b>78,317,000</b>	2,305	<b>2,305</b>
		20000	258,511,440	<b>269,256,800</b>		
		30000	12,869,000	<b>269,000</b>		
		40000	56,200,000	<b>63,555,000</b>		
010100	Pentadbiran dan Dasar Pertahanan	...	367,567,830	<b>387,603,800</b>		
		10000	69,987,390	<b>78,196,600</b>	2,148	<b>2,148</b>
		20000	235,511,440	<b>245,583,200</b>		
		30000	5,869,000	<b>269,000</b>		
		40000	56,200,000	<b>63,555,000</b>		
010200	Logistik	...	30,120,400	<b>23,794,000</b>		
		10000	120,400	<b>120,400</b>	157	<b>157</b>
		20000	23,000,000	<b>23,673,600</b>		
		30000	7,000,000	<b>0</b>		
<b>020000</b>	<b>BANTUAN BERSAMA</b>	...	798,714,650	<b>914,850,000</b>		
		10000	510,281,860	<b>630,030,000</b>	11,643	<b>11,302</b>
		20000	275,132,790	<b>278,420,000</b>		
		30000	7,200,000	<b>0</b>		
		40000	6,000,000	<b>6,300,000</b>		
		50000	100,000	<b>100,000</b>		
020100	Pengurusan	...	627,441,420	<b>745,660,000</b>		
		10000	509,341,900	<b>628,408,000</b>	8,462	<b>8,121</b>
		20000	104,999,520	<b>110,852,000</b>		
		30000	7,000,000	<b>0</b>		
		40000	6,000,000	<b>6,300,000</b>		
		50000	100,000	<b>100,000</b>		
020200	Logistik	...	38,400,000	<b>39,500,000</b>		
		10000	200,000	<b>210,000</b>	507	<b>507</b>
		20000	38,000,000	<b>39,290,000</b>		
		30000	200,000	<b>0</b>		
020300	Latihan	...	18,520,750	<b>14,000,000</b>		
		10000	387,960	<b>370,000</b>	625	<b>625</b>
		20000	18,132,790	<b>13,630,000</b>		
020400	Operasi	...	114,352,480	<b>115,690,000</b>		
		10000	352,000	<b>1,042,000</b>	2,049	<b>2,049</b>
		20000	114,000,480	<b>114,648,000</b>		
<b>030000</b>	<b>PERTAHANAN DARAT</b>	...	4,078,243,870	<b>4,363,600,000</b>		
		10000	2,830,867,760	<b>3,040,000,000</b>	116,760	<b>116,760</b>
		20000	1,110,866,110	<b>1,268,095,000</b>		
		30000	133,500,000	<b>52,500,000</b>		
		40000	3,000,000	<b>3,000,000</b>		
		50000	10,000	<b>5,000</b>		
030100	Pengurusan	...	2,942,009,370	<b>3,195,983,630</b>		
		10000	2,790,633,260	<b>2,995,765,500</b>	5,877	<b>5,877</b>
		20000	145,866,110	<b>194,713,130</b>		
		30000	2,500,000	<b>2,500,000</b>		
		40000	3,000,000	<b>3,000,000</b>		
		50000	10,000	<b>5,000</b>		
030200	Logistik	...	1,039,558,200	<b>1,062,453,225</b>		
		10000	1,158,200	<b>1,158,200</b>	563	<b>563</b>
		20000	907,400,000	<b>1,011,295,025</b>		
		30000	131,000,000	<b>50,000,000</b>		

## Maksud Bekalan 60 - KEMENTERIAN PERTAHANAN

B.60

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2010	2011	2010	2011
			RM	RM		
030300	Latihan	...	19,187,600	<b>22,674,445</b>		
		10000	6,187,600	<b>6,187,600</b>	21,444	<b>21,444</b>
		20000	13,000,000	<b>16,486,845</b>		
030400	Operasi	...	77,488,700	<b>82,488,700</b>		
		10000	32,888,700	<b>36,888,700</b>	88,876	<b>88,876</b>
		20000	44,600,000	<b>45,600,000</b>		
<b>040000</b>	<b>PERTAHANAN MARITIM</b>	...	1,453,508,630	<b>1,488,300,000</b>		
		10000	590,056,600	<b>632,500,000</b>	<u>19,373</u>	<u>19,373</u>
		20000	863,061,030	<b>854,371,000</b>		
		30000	200,000	<b>1,200,000</b>		
		40000	191,000	<b>229,000</b>		
040100	Pengurusan	...	698,498,900	<b>729,579,600</b>		
		10000	588,467,900	<b>629,348,600</b>	1,615	<b>1,615</b>
		20000	110,000,000	<b>99,200,000</b>		
		30000	0	<b>1,000,000</b>		
		40000	31,000	<b>31,000</b>		
040200	Logistik	...	550,557,900	<b>575,002,500</b>		
		10000	357,900	<b>454,500</b>	1,599	<b>1,599</b>
		20000	550,000,000	<b>574,348,000</b>		
		30000	200,000	<b>200,000</b>		
040300	Latihan	...	49,454,130	<b>50,773,500</b>		
		10000	233,100	<b>682,500</b>	5,888	<b>5,888</b>
		20000	49,061,030	<b>49,893,000</b>		
		40000	160,000	<b>198,000</b>		
040400	Operasi	...	141,975,900	<b>115,679,400</b>		
		10000	975,900	<b>1,944,400</b>	10,210	<b>10,210</b>
		20000	141,000,000	<b>113,735,000</b>		
040500	Hidrografi	...	13,021,800	<b>17,265,000</b>		
		10000	21,800	<b>70,000</b>	61	<b>61</b>
		20000	13,000,000	<b>17,195,000</b>		
<b>050000</b>	<b>PERTAHANAN RUANG UDARA</b>	...	1,752,312,120	<b>1,964,500,000</b>		
		10000	506,718,490	<b>582,900,000</b>	<u>19,084</u>	<u>19,084</u>
		20000	1,175,228,630	<b>1,374,350,000</b>		
		30000	70,110,000	<b>7,000,000</b>		
		40000	250,000	<b>250,000</b>		
		50000	5,000	<b>0</b>		
050100	Pengurusan	...	848,547,140	<b>924,248,000</b>		
		10000	505,466,000	<b>581,950,000</b>	1,167	<b>1,167</b>
		20000	273,056,140	<b>335,278,000</b>		
		30000	70,000,000	<b>7,000,000</b>		
		40000	20,000	<b>20,000</b>		
		50000	5,000	<b>0</b>		
050200	Logistik	...	719,030,000	<b>823,300,000</b>		
		10000	30,000	<b>50,000</b>	802	<b>802</b>
		20000	719,000,000	<b>823,250,000</b>		
050300	Latihan	...	31,944,980	<b>41,337,000</b>		
		10000	472,490	<b>200,000</b>	4,721	<b>4,721</b>
		20000	31,222,490	<b>40,907,000</b>		
		30000	20,000	<b>0</b>		
		40000	230,000	<b>230,000</b>		

## Maksud Bekalan 60 - KEMENTERIAN PERTAHANAN

B.60

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2010	2011	2010	2011
			RM	RM		
050400	Operasi	...	152,790,000	175,615,000		
		10000	750,000	700,000	12,394	12,394
		20000	151,950,000	174,915,000		
		30000	90,000	0		
<b>060000</b>	<b>LATIHAN KHIDMAT NEGARA</b>	...	620,675,400	563,951,050		
		10000	20,068,400	21,328,000	2,087	2,087
		20000	599,467,000	542,439,050		
		30000	1,000,000	0		
		40000	140,000	184,000		
060100	Pengurusan	...	22,968,400	26,263,864		
		10000	18,068,400	19,328,000	1,518	1,518
		20000	4,900,000	6,935,864		
060200	Latihan	...	595,707,000	537,687,186		
		10000	2,000,000	2,000,000	569	569
		20000	594,567,000	535,503,186		
		30000	1,000,000	0		
		40000	140,000	184,000		
<b>070000</b>	<b>DASAR BARU</b>	...	0	323,603,980		
		10000	0	1,350,000		
		20000	0	320,957,510		
		40000	0	1,296,470		
070100	Bantuan Bersama	...	0	45,000,000		
		10000	0	1,350,000		
		20000	0	43,650,000		
070200	Pertahanan Maritim	...	0	155,000,000		
		20000	0	155,000,000		
070300	Pertahanan Ruang Udara	...	0	25,000,000		
		20000	0	25,000,000		
070400	Latihan Khidmat Negara	...	0	98,603,980		
		20000	0	97,307,510		
		40000	0	1,296,470		
<b>080000</b>	<b>"ONE-OFF"</b>	...	0	500,886,170		
		10000	0	1,000,000		
		20000	0	131,389,370		
		30000	0	365,615,700		
		40000	0	2,881,100		
080100	Bertugas Di Luar Negara	...	0	20,000,000		
		10000	0	1,000,000		
		20000	0	19,000,000		
080200	Pentadbiran dan Dasar Pertahanan	...	0	15,000,000		
		20000	0	5,000,000		
		30000	0	7,118,900		
		40000	0	2,881,100		
080300	Meningkatkan Kelengkapan dan Kemudahan Bantuan Bersama	...	0	7,500,000		
		20000	0	1,000,000		
		30000	0	6,500,000		
080400	Pengurusan dan Lojistik Pertahanan Darat	...	0	223,500,000		
		30000	0	223,500,000		

## Maksud Bekalan 60 - KEMENTERIAN PERTAHANAN

B.60

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran		Bil. Jawatan	
			2010 RM	2011 RM	2010	2011
080500	Pengurusan Operasi Maritim	... ..	0	<b>75,000,000</b>		
		20000	0	<b>21,723,200</b>		
		30000	0	<b>53,276,800</b>		
080600	Penyelenggaraan dan Kelengkapan Pertahanan Ruang Udara	... ..	0	<b>69,000,000</b>		
		30000	0	<b>69,000,000</b>		
080700	Latihan Khidmat Negara	... ..	0	<b>86,096,170</b>		
		20000	0	<b>79,876,170</b>		
		30000	0	<b>6,220,000</b>		
080800	Emolumen Kakitangan Kontrak - Awam	... ..	0	<b>519,200</b>		
		20000	0	<b>519,200</b>		
080900	Emolumen Kakitangan Kontrak - JLKN	... ..	0	<b>4,270,800</b>		
		20000	0	<b>4,270,800</b>		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS			9,101,142,900	<b>10,531,089,000</b>	<u>171,252</u>	<u>170,911</u>



## Maksud Pembangunan 60 - KEMENTERIAN PERTAHANAN


P.60

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah		Perbelanjaan Sebenar 2006-2009	Anggaran Dipinda 2010	Anggaran Tahun 2011	
		Anggaran Harga Projek	Anggaran Bagi Tahun 2011-2012			Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM	(8) RM
Tentera Darat							
00100	Pembinaan	356,000,000	333,500,000	250,478,437	118,594,051	<b>72,500,000</b>	<b>0</b>
00200	Kelengkapan	7,356,314,000	1,159,264,800	182,061,702	252,543,750	<b>630,714,800</b>	<b>0</b>
Jumlah Tentera Darat		7,712,314,000	1,492,764,800	432,540,139	371,137,801	<b>703,214,800</b>	<b>0</b>
Tentera Laut							
00300	Pembinaan	235,353,779	128,353,779	525,187,888	60,919,976	<b>65,353,700</b>	<b>0</b>
00400	Kelengkapan	10,742,050,000	1,970,660,000	2,673,345,866	162,379,021	<b>1,126,150,000</b>	<b>0</b>
Jumlah Tentera Laut		10,977,403,779	2,099,013,779	3,198,533,754	223,298,997	<b>1,191,503,700</b>	<b>0</b>
Tentera Udara							
00500	Pembinaan	23,676,000	16,816,000	222,089,588	21,430,513	<b>15,516,000</b>	<b>0</b>
00600	Kelengkapan	4,910,182,836	2,057,064,121	3,780,848,868	708,295,355	<b>1,053,916,400</b>	<b>0</b>
Jumlah Tentera Udara		4,933,858,836	2,073,880,121	4,002,938,456	729,725,868	<b>1,069,432,400</b>	<b>0</b>
Tiga Perkhidmatan							
00700	Pembinaan	189,740,000	55,940,000	17,274,017	32,036,365	<b>54,140,000</b>	<b>0</b>
00800	Kelengkapan	557,500,000	389,500,000	92,868,788	0	<b>200,500,000</b>	<b>0</b>
Jumlah Tiga Perkhidmatan		747,240,000	445,440,000	110,142,805	32,036,365	<b>254,640,000</b>	<b>0</b>
Awam							
00900	Pembinaan	54,858,747	54,858,747	27,642,560	23,500,000	<b>54,858,700</b>	<b>0</b>
Jumlah Awam		54,858,747	54,858,747	27,642,560	23,500,000	<b>54,858,700</b>	<b>0</b>
Lain-lain							
08400	Perumahan Angkatan Tentera Malaysia	80,000,000	35,000,000	0	0	<b>19,000,000</b>	<b>0</b>
Jumlah Lain-lain		80,000,000	35,000,000	0	0	<b>19,000,000</b>	<b>0</b>
<b>JUMLAH PEMBANGUNAN</b>		<b>24,505,675,362</b>	<b>6,200,957,447</b>	<b>7,771,797,714</b>	<b>1,379,699,031</b>	<b>3,292,649,600</b>	<b>0</b>

# KEMENTERIAN DALAM NEGERI

## Maksud Bekalan/Pembangunan 62



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
8,672,825,000	864,390,700	0	9,537,215,700

### OBJEKTIF

- (i) Memastikan keselamatan negara dan ketenteraman awam sentiasa terjamin dan terpelihara melalui pemantapan tindakan penguatkuasaan undang-undang dan kecekapan pelaksanaan dasar-dasar bagi program-program yang berorientasikan perkhidmatan teras Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pengukuran atau penilaian ini perlu berdasarkan indeks jenayah, penyalahgunaan dadah, penerbitan filem, pertubuhan, kewarganegaraan, pekerja asing dan pendatang asing tanpa izin (PATI);
- (ii) Memastikan rakyat melibatkan diri dalam program-program kesedaran dan pencegahan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kesedaran dan penglibatan orang awam tentang kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam;
- (iii) Meningkatkan keberkesanan program-program rawatan dan pemulihan bagi penagihan dadah dan pesalah undang-undang. Tindakan-tindakan pencegahan juga dilaksanakan untuk memastikan apa jua niat jahat, ancaman musuh dan kacau bilau dapat dibendung;
- (iv) Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti secara cekap dan berkesan kepada pelanggan yang melibatkan urusan-urusan penting seperti

pendaftaran pengenalan diri, pasport, pendaftaran pertubuhan, penerbitan, mesin cetak, agensi persendirian, senjata api, filem dan teks Al-Quran;

- (v) Menjalinkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta Badan-badan Antarabangsa yang terlibat untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam;
- (vi) Memantapkan hubungan kerjasama dan kolaborasi dalaman antara Bahagian-bahagian dan Jabatan/Agensi di bawah KDN; dan
- (vii) Memantapkan mekanisme pentadbiran, sistem pengurusan kewangan, pembangunan sumber manusia, penggunaan ICT, perolehan dan pembangunan infrastruktur dalam menyumbang sosioekonomi dan keperluan negara semasa serta pencapaian matlamat Pelan Strategik 7 Tahun KDN (2009-2015).

## **PELANGGAN**

Rakyat Malaysia.

## **STRATEGI**

- (i) **Pemeliharaan Keselamatan**  
Meningkatkan pemeliharaan keselamatan dan kesedaran rakyat dengan meningkatkan pengetahuan dan penglibatan mereka tentang keselamatan negara dan ketenteraman awam supaya bersama-sama bertanggungjawab memelihara keselamatan dan ketenteraman awam;
- (ii) **Perkongsian Pintar Dengan Pihak Luar**  
Memupuk dan meningkatkan kerjasama strategik dan perkongsian pintar dengan semua agensi kerajaan dan NGO serta badan-badan antarabangsa yang terlibat untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam;
- (iii) **Penambahbaikan Sistem Penyampaian Perkhidmatan**  
Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan;
- (iv) **Penggunaan ICT Yang Meluas**  
Memantapkan penggunaan ICT dan pembangunan infrastruktur, perisian dan komunikasi yang bersepadu, terkini, canggih, stabil, selamat dan memenuhi keperluan pengguna serta mencukupi; dan
- (v) **Kepimpinan Mantap Di Semua Peringkat Dan Modal Insan Yang Berprestasi Tinggi**  
Menentukan pimpinan di semua peringkat mempunyai kewibawaan dan berintegriti serta pembangunan sumber manusia dipertingkatkan supaya lebih berdaya saing dan berprestasi tinggi.

## PROGRAM 1 : PENGURUSAN DASAR KESELAMATAN DALAM NEGERI

*Objektif* – Memastikan perkhidmatan sokongan dalam aspek pentadbiran, kewangan, bekalan, kakitangan, perakaunan, pembangunan dan perundangan diselaraskan kepada program dan aktiviti lain di bawah Kementerian Dalam Negeri supaya objektif kementerian secara keseluruhannya dapat dicapai dengan berkesan.

### Aktiviti 1 : Pengurusan

*Objektif* – (a) Memastikan pengawalan, perancangan dan penyelarasan dasar-dasar yang berkaitan dengan urusan dalam negeri dan ketenteraman awam dilaksanakan dengan efisien dan efektif; (b) Berusaha gigih dalam memastikan khidmat sokongan khusus kepada semua bahagian dan jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri dalam aspek pentadbiran am, perjawatan, perkhidmatan, latihan dan perundangan diberikan dengan cara terbaik dan dinamik; (c) Memastikan pengurusan kewangan kementerian dikendalikan dengan cekap dan berkesan; dan (d) Memastikan kawalan dalaman berada pada tahap yang sempurna dan berkesan dengan cara membuat kajian dan penilaian ke atas sistem kawalan kewangan, pentadbiran dan pengurusan untuk tujuan mencegah berlakunya sebarang penyelewengan dan pembaziran.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kursus/latihan diadakan	245	230	132
Bil. pembayaran diuruskan	17,428	22,120	23,230
Bil. laporan audit dalam disiapkan	37	50	45

### Aktiviti 2 : Dasar dan Operasi

*Objektif* – Menentukan supaya pengurusan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya berfungsi dengan cekap dan berkesan dengan memberi khidmat sokongan melalui pengawalan, perancangan, penyelarasan, pengurusan dan pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman negara serta ketenteraman awam.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kuat kuasa undang-undang pencegahan (dadah)	1099	1128	1500
Bil. lesen agensi persendirian dikeluarkan	377	412	430
Bil. kes rayuan undang-undang pencegahan (jenayah)	1500	2000	2000
Bil. permit dan Perakuan B yang dikeluarkan	14,765,809	28,000	34,000
Bil. filem yang ditapis	34,194	35,000	40,000

### Aktiviti 3 : Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)

*Objektif* – Membentuk sebuah jentera keselamatan berbentuk sukarela sebagai usaha menggembelng penglibatan rakyat, mengekalkan minat anggota, membentuk dan memelihara keamanan dan keselamatan negara serta sebagai benteng ketiga pertahanan negara.

## PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. penangkapan PATI	17,534	10,000	10,000
Bil. mesyuarat pemantauan operasi	4	4	4
Bil. latihan diadakan	64	80	149
Bil. ahli RELA	944,639	2,000,000	2,500,000

## PROGRAM 2 : POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

**Objektif** – Memastikan keamanan, ketenteraman awam dan keselamatan negara terus terpelihara dan berkekalan daripada ancaman anasir-anasir jahat yang cuba merosakkan negara melalui penguatkuasaan undang-undang.

### Aktiviti 1 : Pengurusan Polis

**Objektif** – Menentukan supaya pentadbiran dan pengurusan PDRM berfungsi dengan cekap dan berkesan dengan memberi khidmat sokongan melalui:- (a) Pengurusan sumber manusia dan sistem pentadbiran yang cekap; (b) Melaksanakan dasar-dasar serta peraturan yang berkaitan; dan (c) Menguruskan segala aspek perkhidmatan, perjawatan, pentadbiran, latihan, kerjaya dan kebajikan kakitangan bertujuan meningkatkan prestasi PDRM.

## PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. pemeriksaan keselamatan	2500	2300	2500
Bil. permohonan peletakan/ pelepasan jawatan yang diproses	6004	6500	6500
Bil. permohonan persaraan/ pertukaran yang diproses	2408	2045	2045
Bil. latihan asas kepolisan	7150	7865	7865
Bil. kursus dalam perkhidmatan/ diploma kepolisan/diploma penyiasatan	41500	41000	41,000

### Aktiviti 2 : Logistik

**Objektif** – Memastikan keperluan logistik bagi seluruh PDRM disediakan secukupnya melalui:- (a) Pembekalan peralatan dan kelengkapan Polis bagi semua aktiviti-aktiviti yang terlibat dan menguruskan hal-hal kewangan dan pembangunan PDRM; (b) Mengawal dan memastikan semua program dan aktiviti mematuhi tatacara kewangan dan dasar kewangan Kerajaan supaya sumber kewangan digunakan dengan lebih cekap dan berkesan; (c) Merancang dan membekalkan pengangkutan darat yang mencukupi dan sesuai, merancang dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan, mengurus dan mentadbir penggunaan dan operasi kenderaan-kenderaan daripada segi penyimpanan, rekod perjalanan dan minyak mengikut peraturan serta memberi latihan kepada pemandu dan mekanik bagi menjamin matlamat pasukan tercapai; (d) Mengurangkan kadar kelewatan dan meningkatkan kadar penerimaan dan penyebaran maklumat dalam PDRM dengan mengadakan sistem dan peralatan komunikasi yang sesuai dan efektif;

(e) Memberikan perkhidmatan kelengkapan persenjataan kepada semua unit di dalam PDRM, melatih pegawai/anggota di dalam bidang latihan menembak, membuat operasi mencari dan menyelamatkan dan menentukan senjata api, peluru dan alat kelengkapan persenjataan yang sesuai dan sentiasa di dalam keadaan *serviceable*; dan (f) Merancang pembekalan dan penyelenggaraan bangunan pasukan.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. baucar yang disediakan	390,000	410,000	420,000
Bil. penyelenggaraan kenderaan	14,750	15,500	15,500
Bil. pengendalian utusan	304,000	304,100	304,100
Bil. senjata dan kelengkapan yang diproses	5,500,000	5,500,000	5,500,000
Bil. program yang ditulis	1,715	1,715	1,715

#### Aktiviti 3 : Penyiasatan Jenayah

**Objektif** – Memastikan masalah jenayah dapat dibendung dan ditangani melalui pencegahan dan peningkatan kadar penyelesaian kes jenayah yang memberikan keyakinan kepada masyarakat terhadap tindakan polis ke atas penjenayah-penjenayah sekali gus memberi keyakinan kepada rakyat tentang keselamatan negara.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kertas siasatan dibuka	189,227	198,688	208,622
Bil. kes selesai	93,431	93,431	98,102
Bil. kes jenayah indeks	311,645	220,061	220,061

#### Aktiviti 4 : Risikan Keselamatan

**Objektif** – Menjamin keselamatan negara melalui aktiviti risikan keselamatan secara sulit dan terbuka ke atas ancaman komunis, anasir-anasir subversif dan pelampau, perisikan, pengintipan dalam negeri dan ancaman luar negara.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. laporan/risikan	363,823	363,639	364,864
Bil. tapisan keselamatan yang dijalankan	351,494	346,490	347,407
Bil. litupan VVIP di dalam dan di luar negara serta tetamu negara	14,803	15,045	15,345

#### Aktiviti 5 : Pencegahan Dadah

**Objektif** – Memerangi masalah dadah bagi mewujudkan masyarakat yang bebas daripada penyalahgunaan dadah.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kes yang didakwa di mahkamah	2,329	2,445	2,568
Bil. orang yang didakwa di mahkamah	921	921	921
Bil. kertas siasatan pelucutan harta yang dibuka	2,830	2,972	3,120
Bil. kes lucutan harta diselesaikan	584	584	584

#### Aktiviti 6 : Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam

**Objektif** – Memastikan keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam terjamin melalui:-  
(a) Perancangan operasi di darat, laut dan udara serta mengawal kawasan-kawasan tertentu, terutamanya kawasan perairan negara dan sempadan daripada dicerobohi musuh-musuh negara; (b) Membanteras penyeludupan di sempadan dan perairan, mencegah kegiatan lanun, menyekat kemasukan pendatang tanpa izin, menjaga keselamatan nelayan-nelayan tempatan, memberi bantuan kepada penduduk di pulau-pulau semasa kecemasan serta bantuan kepada lain-lain cawangan Polis dan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang; (c) Membantu mengekalkan ketenteraman awam serta membantu mengurangkan kesan buruk akibat bencana seperti kemalangan nyawa dan kehilangan harta benda awam; (d) Membantu mengurangkan aktiviti-aktiviti yang melanggar atau menyalahi undang-undang Malaysia di darat dan perairan Malaysia, serta mengurangkan pencemaran udara dengan meningkatkan pengesanan unsur-unsur pencemaran; (e) Menjamin keselamatan para pengguna jalan raya, menguatkuasakan undang-undang dan peraturan lalu lintas, memastikan semua pesalah trafik tidak terlepas daripada tindakan undang-undang dan membuat rondaan liputan keselamatan dan aliran trafik di bandar-bandar besar bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas dengan memaklumkan pusat kawalan; dan (f) Menyelaras pelaksanaan dasar-dasar Ketua Polis Negara dan menyelaras aktiviti-aktiviti di antara PDRM dengan pihak-pihak dari dalam negeri mahupun luar negeri.

#### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kawalan dan rondaan perbatasan	6,605	3,440	6,880
Bil. operasi kawalan orang ramai dilakukan	470	470	470
Bil. pemeriksaan bot-bot tempatan	35,100	36,000	37,000
Bil. jam rondaan di perairan wilayah	4,380	4,380	4,380
Bil. tugas menyelamat dan serbuan	20	25	30

#### Aktiviti 7 : Siasatan Jenayah Komersial

**Objektif** – Memastikan jenayah komersial bersindiket dan terancang yang melibatkan agensi-agensi kerajaan, swasta dan orang ramai dibendung dan dibanteras serta kes-kes yang terlibat itu disiasat dalam tempoh yang singkat dengan penghasilan kertas siasatan yang berkualiti sehingga pendakwaan boleh dilaksanakan.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. kes yang berjaya diselesaikan	11,000	11,500	10,800
Bil. pembanterasannya melalui pameran/ ceramah/kempen kesedaran/ operasi	85	95	100
Jumlah penyiasatan kes	4,000	4,500	5,000

### PROGRAM 3 : PENJARA

**Objektif** – Mempertingkatkan pengawalan melalui keselamatan bersepadu supaya penghuni dapat menjalani tempoh hukuman atau penahanan dalam persekitaran yang selamat dan terjamin serta membentuk akhlak dan sikap penghuni melalui pendekatan pemulihan yang efektif supaya mereka insaf dan berjaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab serta produktif.

#### Aktiviti 1 : Pengurusan

**Objektif** – (a) Memastikan pengurusan dan pengawalan peruntukan belanjawan mengurus diselenggarakan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan sistem perakaunan kewangan daripada segi pungutan, penyimpanan/pembelian dan pembayaran diurus dengan cekap dan mengikut tatacara kewangan; (b) Memastikan perolehan bekalan dan harta modal diurus mengikut kuantiti, kualiti, masa, tarikh dan tempat yang telah ditetapkan dan mewujudkan sistem penstoran yang selamat serta agihan mengikut perakaunan yang teratur; dan (c) Memastikan organisasi mencapai pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

### PRESTASI AKTIVITI

Output	2009 (Sebenar)	2010 (Anggaran)	2011 (Anggaran)
Bil. permohonan pinjaman	261	600	600
Bil. perolehan secara tender/sebut harga/rundingan	84	250	250
Bil. pengauditan prestasi	6	8	8
Bil. pengauditan pematuhan	11	12	12
Bil. penampilan audit dan pengauditan susulan	4	5	5

#### Aktiviti 2 : Keselamatan Penjara

